

3 TIP MENCAPAI IMPIAN



AH

DR AZURA HASHIM

TIP MENCAPAI IMPIAN

Soalan cepumas.

"Kementerian kata, kami student BBA susah dapat kerja nanti. Jadi apa patut kami buat?"

Ketika saya mendapat jemputan dari Universiti tertua di Malaysia. Di universiti ini, sempat saya mencurahkan ilmu kepada pelajar- pelajarnya. Juga di sinilah saya berjuang melalui pelbagai peristiwa demi mendapatkan title 'Dr'. Perjuangan dan perjalanan yang mengubah kompas kehidupan.

Seperti biasa, topik analisa tulisan tangan membuatkan orang yang tidur akan terjaga. Kebetulan slot saya waktu petang, jadi memang sesuai nak pastikan peserta kekal fokus. Di akhir perkongsian, adalah sesi soal jawab. Kebanyakan soalan berkisarkan tentang rahsia tulisan tangan. Namun yang menariknya, ada seorang adikni bertanya tentang masa depan mereka. Soalannya berbunyi seperti di atas.

Saya jawab senang aje.

“Apa yang kita belajar sekarang ini tidak penting. Sebab ianya adalah satu platform dan networking untuk rancang ke mana hala tuju kita.”

Tambah saya lagi

“Saya bekas graduan bidang “Human Resource “.

Saya tak pernah praktis pun. Kemudian sambung MBA dan PhD pengkhususan dalam perniagaan antarabangsa. Adalah sikit- sikit praktis. Itu pun sebab produk yang saya keluarkan dapat masuk pasaran Indonesia. Tapi yang sebetulnya, tak praktis langsung. Sebab semuanya suami saya yang uruskan.

Ini baru satu contoh. Banyak lagi contoh diluar sana. Belajar lain, peluang bekerja lain. Satu perkara biasa. Jadi apa yang patut kami buat untuk mencapai impian? Belajar penat- penat tapi tak dapat kerja yang sepatutnya.

Macamana nak capai impian? Ini adalah soalan biasa. Ramai ada impian tapi tak tahu macamana nak dapatkan.

***“Allahumma Ya Musowwir.
Sesungguhnya Engkau Yang Maha
Kreatif. Engkau mencipta alam
dan seisinya dengan penuh kreatif.
Kurniakanlah daku sedikit kreativiti-
Mu agar daku dapat berfikir dan
melaksanakan setiap apa yang daku
lakukan dengan kreatif mengikut
redhamu”***



TULIS IMPIAN




3 TIP MENCAPAI IMPIAN

Tulis Impian

“dan bahawasanya seorang manusia tiada memperoleh selain apa yang telah diusahakannya”
(53:39)

Tulis segala impian kita. Berimpian kan percuma. Senaraikan satu- satu. Sentiasa bawa senarai yang ditulis itu kemana- mana. Saya pernah kongsi logik mengapa kena perlu tulis impian. Lagi baik bila dah tulis, kita buat vision board. Nak kuat lagi, buat mind movie. Boleh google macamana nak buat vision board dan mind movie.

Mengikut kajian, peratus orang yang menulis impian tidak tinggi, dan mereka inilah yang berjaya mencapai impian. Tulis satu persatu impian kita, selitkan jugahuraian dan doa. Letakkan impian dengan perkataan yang positif. Contohnya, **SAYA MAHU LEBIH RAJIN BELAJAR**. Perkataan rajin adalah positif dan ianya merangsang minda kita untuk menjadi seorang yang lebih rajin.



Subhanallah Alhamdulillah. Seorang peserta kelas Vision Board yang pernah saya anjurkan telah berkongsi feedback setelah setahun berlalu. Beliau sendiri tidak menyangka apa yang ditulis dalam Vision Board tercapai. Cepat atau lambat pasti impian yang dimahukan tercapai, hanya Allah tempat kita mohon dan berdoa. Pasti Allah Ya Aliim, Ya Hakam Yang Mengetahui dan Yang Menetapkan impian kita bila akan tercapai.

KENALPASTI APA KEKUATAN DAN KELEMAHAN KITA



Kenalpasti Apa Kekuatan Dan Kelemahan Kita

Penting untuk kita tahu kekuatan dan kelemahan diri. Yang kuat kita naikkan. Yang lemah kita perbaiki. Teknik yang mudah dan pantas adalah dengan analisa tulisan tangan. In shaa Allah, akan terbongkar karakter kita yang sebenarnya.

“Ya Allah Ya Kabir, Ya ‘Adzim, Ya ‘Aliy, Ya Wasi’, Wahai Allah Wahai Tuhan Yang Maha Yang Maha Besar, Yang Maha Agung, Yang Maha Tinggi Dan Maha Luas, kurniakan kami jiwa yang besar, keberanian, cita-cita yang tinggi, fikiran yang luas, sifat optimis dan bervisi agar dapat kami menerajui usaha ini ke arah kecemerlangan demi kebaikan manusia sejagat.”

Antara tip untuk menguatkan karakter diri adalah dengan membuang signal self- sabotage yang ada dalam diri kita. Mungkin selama ini tak perasan, signal inilah yang menghambat kita dari ke hadapan. Menyebabkan rasa ‘selesa’ dengan apa yang kita ada.

Tulisan tangan adalah antara kaedah untuk membuang self sabotage diri melalui menukar tandatangan.

Ciri- Ciri Tandatangan Yang Melambangkan Seseorang Itu Jati Dirinya Kuat:

1. Saiz tandatangan yang sesuai dengan tulisan
2. Tandatangan yang tidak serabut atau di'strike through '
3. Tandatangan yang diawali dengan huruf besar



OPTIMIS DAN SENTIASA BERFIKIR YANG BAIK



Optimis dan sentiasa berfikir yang baik

Berusahalah untuk sentiasa berfikir yang baik-baik. Apa yang kita fikir, apa yang kita sebut, adalah doa. Jadi berhati-hati dengan kata-kata kita. Termasuklah, pilih siapa di sekeliling kita. Siapa kita lima tahun lagi, bergantung siapa 5 orang yang rapat dengan kita sekarang. Abu Hurairah r.a, Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud “Seseorang insan adalah terikut-ikut dengan adat kebiasaan sahabatnya. Maka hendaklah kamu melihat dengan siapa kamu bersahabat.” (Riwayat al-Tirmizi dan al-Hakim)

“Allahumma Ya Wasi’. Sesungguhnya Engkau Yang Maha Luas. Kurniakan daku fikiran yang luas agar daku dapat manfaatkannya untuk beribadah kepadamu dan juga untuk kesejahteraan ummah.”

Allah mengikut sangkaan hambanya. Namun, manusia merancang. Yang pastinya sebaik-baik perancang adalah Allah SWT. Perancangan Allah terbaik hingga ke syurga.


“Ya Allah Ya Baari’, Wahai Tuhan Yang Maha Merancang. Sesungguhnya Engkau yang merancang sesuatu di alam ini, kurniakan kami sedikit sifat merancangmu dan kurniakan kami perancanganmu agar kami mampu membuat perancangan yang terbaik sebagaimana kehendakmu untuk kebaikan manusia sejagat

Yakinlah dengan doa kita pada Allah pasti akan ada sesuatu yang terbaik untuk kita. Bersyukur dengan apa yang sudah ada sekarang, nanti Allah hadiahkan lebih lagi. Kurangkan merungut dan tambahkan kesyukuran.

CONTOH TULISAN TANGAN INDIVIDU YANG OPTIMIS



Saya ingin kongsi contoh tulisan tangan individu yang optimis, mereka tenang dan positif menghadapi situasi. Keyakinan mereka sukar digugat. Tulisan mereka dilihat menaik dihujungnya. Sama juga dengan tandatangan, naikkan tandatangan sedikit menaik. Apabila anda menurunkan tandatangan atau semasa menulis, secara tidak langsung ianya menanam dalam minda untuk sentiasa optimis walau apa jua yang mendatang.



Letaklah impian kalian setinggi langit, success always come with clear target and specific goals. Secara umumnya jika kita lihat kehidupan di dunia ini pun sudah ada sasaran yang jelas, menuju ke SyurgaNya. Jadi apa usaha kita untuk sampai ke sana?

Kita hanya manusia biasa yang tidak berupaya mengawal semua. Hasilnya pada setiap orang berbeza. Oleh kerana itu, apabila sudah berusaha, teruskan penyerahan secara total kepada Allah Yang Maha Mengetahui,

“Apabila kamu sudah berazam, maka bertawakallah kepada Allah.” (Surah Ali Imran 3:159)

Semoga perkongsian ini memberi manfaat. Saya doakan kalian mencapai semua impian yang diidamkan. Yang pasti, akhirnya kita memiliki impian yang sama, iaitu menuju ke Syurga Allah. Semoga kita semua dimasukkan ke dalam Syurga Al Firdausi, iaitu syurga yang tertinggi di akhirat nanti. Aamiin...

Salam Sayang

Dr Azura Hashim